

**PERSEDIAAN UNTUK *TRANCE DANCE* : KAJIAN
KES PENARI KUDA KEPANG DI KLUANG,
JOHOR.**

SITI AISHAH BINTI MUSTAPHA KAMAL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

**PERSEDIAAN UNTUK *TRANCE DANCE* : KAJIAN KES PENARI KUDA
KEPANG DI KLUANG, JOHOR.**

SITI AISHAH MUSTAPHA KAMAL

**PENULISAN ILMIAH YANG DIKEMUKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN KURSUS KAJIAN ILMIAH APC 3053**

**JABATAN SENI PERSEMBAHAN
FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 31 (hari bulan) 01 (bulan) 2023

i. Perakuan pelajar :

Saya, SITI AISHAH BINTI MUSTAPHA KAMAL D20202095984 (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa Penulisan Kajian Ilmiah yang bertajuk *Persediaan Trance Dance : Kajian Kes Penari Kuda Kepang di Kluang, Johor* adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan , ekstrak, rujukan atau pengeluaran semul daripada atau kepada mana-mana yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya. Saya dengan ini turut mengakui bahawa hasil penulisan ini terikat dengan Peraturan Akademik, Jabatan Seni Persembahan, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Tandatangan Pelajar

ii. Disemak oleh :

Tandatangan :

Nama Penyelia : Dr. Leng Poh Gee

Tarikh :

iii. Disahkan oleh :

Tandatangan :

Nama Penyelia : Dr. Fara Dayana binti Mohd Jufry

Tarikh :



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan iziNya disertasi ini berjaya disiapkan . Dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian, membangunkan perisian dan dokumentasi, penyelidikan telah mendapat bantuan secara langsung dan tidak daripada individu -individu berikut; Dr. Leng Poh Gee- Pensyarah Penyelia disertasi yang banyak memberikan panduan dan nasihat, En. Mohammad Fadzilah bin Kamsan selaku informan saya yang terlibat dalam kajian ini, para pensyarah Fakulti Muzik dan Seni Persembahan yang telah memberikan banyak ilmu serta tunjuk ajar, rakan-rakan sepengajian yang turut banyak memberi bantuan dan juga semangat serta tidak dilupakan juga kepada Ibu dan Bapa saya yang sentiasa memberikan sokongan, dorongan dan juga semangat serta kasih sayang yang tidak terhingga kepada diri ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persediaan yang dilakukan oleh seorang penari sebelum memulakan permainan Kuda Kepang. Kajian ini dijalankan di sekitar kawasan Kluang, Johor di mana fokus utama pengkaji. Teori Victor Turner digunakan dalam kajian ini di mana dapat dikaitkan dengan permainan Kuda Kepang mengikut empat fasa yang dinyatakan dalam *Social Drama*. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini bagi memperoleh maklumat dan mendapatkan penerangan serta penjelasan yang jelas berkenaan kajian. Pengkaji hanya menemui bual seorang informan yang bergiat aktif dalam kesenian Kuda Kepang di Kluang, Johor. Data dianalisis dengan menggunakan deskriptif dan etnografi. Analisis deskriptif menjelaskan dan menerangkan struktur gerak Kuda Kepang semasa permainan dijalankan, manakala etnografi pula mengembangkan pemikiran dan pemahaman pengkaji berkenaan kajian yang dijalankan. Hasil kajian membolehkan pengkaji menjelaskan mengenai persediaan bagi seorang penari, struktur pergerakan yang terdapat dalam persembahan serta makna yang terkandung dalam tarian yang dikaji. Kesimpulannya, tarian Kuda Kepang masih lagi dipersembahkan dalam kalangan masyarakat Jawa di Johor serta adat dan tradisi mereka masih lagi diamalkan sehingga kini walaupun di zaman moden ini.





ABSTRACT

This study aims to examine the preparations made by a dancer before starting the Kuda Kepang game. This study was conducted around the area of Kluang, Johor where the main focus of the researcher. Victor Turner's theory is used in this study where it can be linked to the Kuda Kepang game according to the four phases stated in Social Drama. Qualitative methods are used in this study to obtain information and obtain clear explanations and explanations regarding the study. The researcher only interviewed an informant who is active in Kuda Kepang art in Kluang, Johor. Data were analyzed using descriptive and ethnographic methods. Descriptive analysis explains and explains the movement structure of Kuda Kepang during the game, while ethnography develops the researcher's thinking and understanding regarding the research conducted. The results of the study allow the researcher to explain the preparation for a dancer, the movement structure found in the performance as well as the meaning contained in the dance being studied. In conclusion, Kuda Kepang dance is still performed among the Javanese community in Johor and their customs and traditions are still practiced even today even in modern times.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1. PENDAHULUAN	10-13
1.2. LATAR BELAKANG	14-17
1.3. PERMASALAHAN KAJIAN	17-19
1.4. PERSOALAN KAJIAN	19
1.5. OBJEKTIF	20
1.6. BATASAN KAJIAN	20-21
1.7. KERANGKA TEORI	21-23
1.8. KEPENTINGAN KAJIAN	23-24



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	25-29
BAB 3 METODOLOGI	30-33
BAB 4 ANALISIS	34-57
BAB 5 KESIMPULAN	58-64
LAMPIRAN	65-66
RUJUKAN	68-70

vii

SENARAI JADUAL

No. Jadual

Muka Surat

Jadual 4.1

44-50

SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

4.1	41
4.2	43
4.3	53
4.4	53
4.5	53
4.6	53
4.7	55

PERSEDIAAN UNTUK TRANCE DANCE : KAJIAN KES PENARI KUDA KEPANG DI KLUANG, JOHOR.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Trance membawa erti khayal, berkhayal atau lebih mudah untuk difahami adalah menurun atau kerasukan. *Trance* atau khayal ini sering didapati dalam tarian tradisional di Malaysia yang bertujuan penyembuhan dan perubatan yang dipercayai



oleh masyarakat pada suatu ketika dahulu dapat dikaitkan dengan ritual dalam setiap persembahan yang dijalankan namun tujuan utamanya adalah penyembuhan atau perubatan terhadap seseorang individu. Menurut Norhuda Salleh (2015) dalam kalangan ahli antropologi, ritual boleh dilihat dalam beberapa sudut seperti dari segi simboliknya, iaitu ciri-ciri perlembagaan dalam ritual. Ritual juga boleh dilihat dari segi hubungan antara ‘cara’ dengan ‘matlamat’ perlakuan berkenaan. Secara umumnya ahli antropologi berpendapat bahawa ritual adalah perlakuan *magico-religious*. Hanapi Dollah & Mohd. Nazri Ahmad (2008, P.132-133) menjelaskan kepercayaan magis ialah percaya terhadap kuasa ghaib untuk keperluan segera. Pakar dalam bidang ini diistilahkan sebagai bomoh, pawang, dalang, *bobohizan*, poyang, bidan dan banyak lagi. Di Malaysia terdapat beberapa tarian yang mempunyai unsur menurun dan ritual iaitu Kuda Kepang (Johor), Ulek Mayang (Terengganu), Mek Mulong (Kedah), Dabus (Perak), Tarian Panansang (Sabah), Tarian Ngoncong (Sarawak) dan banyak lagi.

Tarian Kuda Kepang merupakan sejenis permainan dan persembahan. Perkataan “kuda” membawa erti tunggangan manakala “kebang” pula membawa erti anyaman. Para penari akan menari dengan menunggang patung-patung kuda yang diperbuat daripada buluh yang telah dianyam. Lagak atau aksi penari ketika menari adalah sama seperti kuda. Di tanah Jawa terdapat tarian ini namun mempunyai nama yang berbeza mengikut daerah yang tertentu. Sebagai contoh, di bahagian Jawa Timur, ianya dikenali sebagai *Djaran Kepang* atau *Djaranan* sahaja. Di samping itu di Jawa Barat, para penduduk di sekitar kawasan tersebut memanggilnya *Kuda Lumping* oleh kerana patung kuda itu diperbuat daripada kulit yang bernama *Lumping*. Penduduk di





Barat Daya Jawa menamakannya *Ebleg* sementara masyarakat Jogjakarta pula memanggilnya *Djatilán*. Malahan, ada juga masyarakat yang menyebutnya sebagai *Intjling*, walhal di sesetengah tempat terpencil atau daerah-daerah desa seperti Batu Pahat, Muar dan Pontian di Johor, tarian ini juga sering dipanggil oleh masyarakat keturunan Jawa sebagai *Jaran Ebleg* atau Kuda Kepang. (Mabuk Mistikal Semiotik Metafizik dalam Kuda Kepang Mabuk, 2009, p.7)

Mohd. Kipli Abdul Rahman (2009) ada menyatakan bahawa ritual yang berunsur menurun (*trance*) atau lebih dikenali sebagai kerasukan merupakan suatu fenomena lazim yang terdapat di negara-negara Asia Tenggara, terutamanya di Indonesia dan Malaysia. Ritual ini mempunyai unsur spiritual yang mengamalkan prinsip minda melebihi benda atau material (*mind over matter*) yang dapat disaksikan dalam tarian Kuda Kepang di Malaysia khususnya negeri Johor. Selain itu, terdapat juga tarian yang mempunyai unsur menurun (*trance*) di negeri-negeri lain di Malaysia antaranya Ulek Mayang (Terengganu), Mek Mulong (Kedah), Tarian Dabus (Perak), Tarian Panangsang (Bajau Laut, Sabah), Tarian Ngoncong (Sarawak) dan sebagainya. Tarian ini bukan sahaja memfokuskan terhadap persembahan semata namun mempunyai tujuan utama dan yang lain iaitu penyembuhan atau menyembuhkan seseorang daripada sakit yang telah diamalkan oleh masyarakat suatu ketika dahulu sebelum kemunculan pelbagai kepercayaan dan agama seperti sekarang seiring dengan kemajuan teknologi yang moden dan canggih pada masa kini.





Sejarah asal usul tarian atau persembahan Kuda Kepang ini masih lagi kabur dan belum dapat dikenal pasti serta ditentukan dengan tepat. Terdapat beberapa teori atau pendapat yang dikemukakan berkaitan dengannya sama ada menerusi cerita-cerita lisan yang dituturkan secara turun-temurun ataupun hanya berdasarkan sejarah. Teori pertama menyatakan bahawa tarian atau persembahan ini berasal daripada Tanah Arab dan Parsi. Pada abad ke-13 Masihi, pelaut-pelaut Jawa yang pernah berlayar ke Timur Tengah dikatakan membawa balik tarian ini untuk diperkenalkan kepada masyarakat Jawa. Menurut Mohd. Kipli Abdul Rahman (2009) Tarian ini merupakan gambaran perwira-perwira Arab di bawah pimpinan Saidina Ali menunggang kuda ketika berperang menentang musuh-musuh Islam . Terdapat juga beberapa mitos lain berkenaan Kuda Kepang. Selain itu, menurut Soedarsono (1972, P.10), tarian Kuda Kepang merupakan satu-satunya hasil peninggalan masyarakat primitif yang ada kaitannya dengan kepercayaan totemisme, dan berkemungkinan besar merupakan tarian kepahlawanan yang bersifat upacara bagi seorang lelaki yang sudah meningkat dewasa.

Tesis ini ingin memberi fokus terhadap *trance dance* atau tarian menurun terjadi ketika persembahan dijalankan di mana berlakunya kerasukan dalam kalangan penari ketika memainkan Kuda Kepang. Selain itu, memberi pendedahan mengenai Kuda Kepang sebagai seorang penari yang kurang diberi perhatian demi mengekalkan kelestarian Kuda Kepang khususnya di Kluang, Johor.





1.2 Latar Belakang

Mohammad Fadzilah Bin Kamsan atau lebih dikenali sebagai Angah, merupakan seorang penaung dan juga ketua bagi kumpulan Kuda Kepang di Kluang, Johor iaitu Jaran Wibowo. Beliau merupakan penari Kuda Kepang yang mula berkecimpung sejak di bangku sekolah menengah sehingga kini merupakan penaung bagi kumpulan tersebut. Beliau mempelajari dan memperoleh pengetahuan yang mendalam mengenai Kuda Kepang yang diajar serta diwarisi oleh arwah bapa mertuanya. Sebagai seorang penari Kuda Kepang, seseorang penari haruslah mempunyai ketahanan mental, fizikal serta rohani bagi mematuhi segala syarat sebelum membuat persembahan atau lebih mudah difahami persediaan yang dilakukan oleh seorang penari. Syarat ini perlulah dipatuhi sebagai seorang penari Kuda Kepang bagi menyucikan hati dan jiwa mereka dari sebarang anasir jahat serta melatih mereka untuk menjadi gagah perkasa.

Oleh itu terdapat beberapa syarat yang para penari harus lakukan dan patuhi sebelum membuat persembahan atau menarikan Kuda Kepang menurut En Fadzilah atau Angah. Para penari haruslah menuntut ilmu kebatinan yang sangat penting yang perlu dimiliki dan difahami oleh penari. Bertujuan agar para penari memiliki hati yang bersih, ikhlas serta terhindar daripada rasa buruk sangka, iri hati dan dengki terhadap orang lain. Kebersihan jiwa yang dialami oleh penari akan memudahkan proses pembelajaran dan mengingat ilmu yang dipelajari. Selain itu, bukan sahaja dituntut untuk membersihkan





jiwa malahan para penari tersebut juga perlu mempunyai niat yang tekad demi menjadi penari Kuda Kepang dengan bersungguh serta bersemangat. Selain itu, mereka juga perlu mempunyai ketahanan mental yang kuat agar dapat menempuh segala cabaran dan ujian yang bakal ditempuh yang diuji oleh individu yang memimpin kumpulan Kuda Kepang tersebut.

Selain itu, para penari juga harus melaksanakan puasa atau *patigeni* (menurut istilah *Jawa*). *Patigeni* merupakan syarat yang paling penting bagi para penari sebelum layak mereka menarikan Kuda Kepang supaya membentuk nilai kesabaran dan disiplin dalam diri serta emosi mereka. Seperti yang kita sering dengar berpuasa menahan diri dari lapar dan dahaga namun dalam konteks bagi menjadi salah seorang penari Kuda Kepang yang selayaknya mereka juga dilarang untuk tidur. Hal ini demikian, melatih diri mereka agar sentiasa berwaspada dan bersiap sedia dalam menghadapi pelbagai kemungkinan yang tidak diingini. Para penari dikehendaki berjaga selama 24 jam berturut-turut. Ketika para penari hendak melaksanakan puasa atau *patigeni*, mereka boleh memilih hari mengikut kalendar Jawa iaitu, *legi*, *pahing*, *pon*, *wage*, dan *kliwon*. Seterusnya, puasa mereka akan terbatal tepat jam 12 tengah malam dan ketika ini para penari dibenarkan untuk makan dan minum. Namun, masih lagi terdapat beberapa syarat dan pantang larang yang harus para penari patuhi.

Syarat yang harus mereka patuhi adalah makanan dan minuman yang diambil perlulah berwarna putih sahaja. Oleh yang demikian, puasa ini juga selain daripada





dikenali sebagai *patigen* ianya juga dikenali sebagai “puasa mutih”. Setelah itu, para penari akan dibawa ke sungai oleh *gambuh* atau bomoh untuk dimandikan dengan air bunga disertai dengan mantera atau jampi dianggap sebagai penari tersebut berjaya melayakkan dirinya menjadi salah seorang penari Kuda Kepang. Namun tidak berakhir sampai disini sahaja, setelah segala ujian dan cabaran para penari berjaya tempuh tanpa sebarang masalah maka barulah mereka akan diajar cara-cara untuk menari Kuda Kepang yang mempunyai gerak yang unik dan estetik. Selain itu, para penari juga akan diajar cara menyembunyikan tali pecut yang kebiasaannya dikendalikan oleh ketua kumpulan tarian atau lebih dikenali sebagai *dhanyang*.

Sebelum sesebuah kumpulan Kuda Kepang memulakan persembahan, mereka perlu mematuhi dan melakukan beberapa adat penting. Adat ini merupakan perkara mistikal yang dilaksanakan sesuai dengan kepercayaan masyarakat pengamalinya. Mengikut kepercayaan orang yang mengelolakan persembahan Kuda Kepang, persembahan ini dipercayai dikuasai oleh sesuatu benda ghaib. Sekiranya gagal dilaksanakan sebelum memulakan persembahan, maka para penari atau khalayak ramai bakal ditimpa musibah atau bencana. Oleh yang demikian, sebelum memulakan persembahan, suatu upacara pemujaan hendaklah dilakukan bagi menghormati makhluk-mahkluk ghaib tersebut. Di dalam adat ini juga terkandung bacaan jampi, mantera atau doa selamat. Mereka mempercayai bahawa pahala daripada bacaan tersebut akan dikirimkan kepada Wali Songo (para sufi yang sangat berpengaruh dan memainkan peranan penting dalam perkembangan Islam) yang telah memberi petunjuk berkaitan dengan tarian Kuda Kepang. Setelah selesai membaca doa, disediakan sebuah



bakul yang berisi sajian atau *sajen* yang terdiri daripada sembilan jenis makanan (*jajan pasar*) serta wang tunai yang bernilai sebanyak 25 sen yang mewakili angka ganjil menurut kepercayaan masyarakat Jawa.

1.2 Permasalahan Kajian

Persembahan tarian Kuda Kepang ini merupakan sebuah fenomena yang sering kali dipersembahkan dan dimainkan oleh masyarakat Jawa yang bertujuan tertentu sebagai contoh mengangkat roh nenek moyang masyarakat Jawa, pertunjukkan kepahlawanan ketika zaman perang serta persembahan ritual untuk pernikahan, kelahiran bayi dan berkhatan. Namun, fenomena yang sering dipersembahkan ini semakin pudar malahan ada yang mempersembahkan atas dasar hiburan semata-mata. Penglibatan ritual dalam tarian Kuda Kepang ini telah menjadi isu yang sensitif di mana aktiviti yang terkandung dalam tarian Kuda Kepang ini bercanggah dengan akidah serta syariah Islam. Oleh itu, telah berlansungnya persidangan Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor pada 18 Februari 2009 bagi membahas serta membincangkan mengenai hukum permainan serta persembahan Kuda Kepang ini. Hasil yang diperoleh daripada Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor telah mengesahkan hukum permainan dan persembahan Kuda Kepang ini adalah haram kerana ianya bercanggah dengan akidah, syariah serta akhlak Islamiah.



Seterusnya, masyarakat di sekitar kawasan Kluang, Johor kurangnya pengetahuan mengenai tarian Kuda Kepang dan mereka lebih didedahkan dengan pengenalan tarian Zapin sahaja walhal tarian Kuda Kepang ini juga berasal dari negeri yang sama namun berbeza dari segi gerak dan alunan muzik serta lagunya tambahan pula persembahannya juga berlainan berikutan dengan busana dan tatarias dan sebagainya. Hal demikian persembahan tarian Kuda Kepang ini kurang dipersembahkan berbanding tarian-tarian lain di mana-mana majlis keramaian namun masyarakat Jawa yang masih lagi berpegang teguh dengan adat dan tradisi mereka yang masih lagi mempersembahkan tarian Kuda Kepang ini.

Ketika menjalani kajian ini, pengkaji mendapati bahawa permasalahan kajian dari segi gerak tari Kuda Kepang. Secara umumnya struktur gerak tari Kuda Kepang masih lagi tidak dijelaskan dengan terperinci. Selain itu, perbezaan struktur gerak tari kuda Kepang semasa kerasukan (*trance*) dan keadaan normal tidak dinyatakan perbedaannya oleh mana-mana sumber. Kebiasaanya yang dinyatakan dalam sumber adalah gerakannya seiringan dengan alunan alat muzik yang dimainkan dapat disimpulkan di sini bahawa struktur gerak tari Kuda Kepang tidak ditetapkan seperti mana tarian-tarian ritual yang lain.

Oleh yang demikian, persembahan kurang mendapat sambutan seperti sedia kala namun masih wujud aktivis atau beberapa kumpulan tarian Kuda Kepang yang masih aktif membuat persembahan tarian Kuda Kepang walaupun ianya tidak mengandungi



sebarang unsur ritual. Walau bagaimanapun, masih terdapat kumpulan yang masih aktif mempersembahkan tarian Kuda Kepang sehingga kini. Hal ini kerana masih terdapat perwaris dan juga penerus yang masih lagi meneruskan adat dan tradisi serta mengangkat persembahan tradisional masyarakat Jawa atas dasar-dasar kesenian masyarakat Jawa. Terdapat pendokumentasian dalam bentuk gambar serta video mengenai persembahan tarian Kuda Kepang yang disimpan agar tidak hilang dimakan zaman untuk generasi muda akan datang.

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini dibincangkan bertujuan untuk panduan ataupun haluan bagi pengkaji dalam merungkai objektif dan permasalahan kajian. Persoalan kajian yang dapat menyempurnakan kajian ini adalah seperti berikut :

1.4.1 Bagaimana persediaan yang perlu dilakukan oleh seorang penari Kuda Kepang sebelum membuat persembahan?

1.4.2 Apakah struktur pergerakan dalam tarian Kuda Kepang?

1.4.3 Apakah makna/signifikasi Kuda Kepang kepada komuniti Jawa atau sebagai seorang penari?

1.5 Objektif

Objektif kajian ini adalah bertujuan mengkaji persediaan untuk *trance dance* dalam kajian kes penari Kuda Kepang di Kluang, Johor. Tarian Kuda Kepang ini merupakan tarian yang mempunyai nilai kemasyarakatan dan unik namun kurang diketengahkan. Berikut terdapat beberapa huraian terperinci mengenai objektif kajian:

1.5.1 Mengenal pasti persediaan yang berlaku sebelum persembahan ritual Kuda Kepang.

1.5.2 Menghuraikan struktur pergerakan semasa persembahan yang dilakukan oleh penari.

1.5.3 Menjelaskan kepentingan Kuda Kepang kepada masyarakat.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini tertakluk kepada beberapa batasan yang merangkumi skop kajian di mana batasan ini dijadikan sebagai landasan bagi pengkaji menjalankan kajian agar ianya tidak terlalu meluas dan tertumpu fokusnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan tajuk serta teori kajian.

Sampel kajian terbatas kepada persediaan untuk *trance dance* dalam kajian kes penari Kuda Kepang di Kluang, Johor. Oleh yang demikian, pengkaji hanya melakukan penelitian dalam mengakaji persediaan seorang penari sebelum melakukan atau membuat persembahan Kuda Kepang dari segi mental, fizikal dan emosi.

Kajian ini juga terbatas kepada masyarakat Jawa sahaja terutamanya di kawasan sekitar Kluang, Johor di mana terdapat kumpulan yang bergiat aktif dalam membuat persembahan Kuda Kepang. Hal ini demikian kumpulan ini sering membuat persembahan tarian Kuda Kepang khususnya sebagai medium hiburan untuk penduduk kampung setempat. Batasan kajian ini hanya menggunakan seorang informan yang dipercayai seorang penari serta selaku ketua kumpulan Kuda Kepang tersebut yang berpengalaman serta berpengetahuan dalam budaya dan adat masyarakat Jawa.

1.7 Kerangka Teori

Menurut Victor Turner (1974) konflik, ia menampakkan dirinya dalam episod gangguan ketegangan yang dikenali sebagai *social drama*. Beliau menyatakan wujud bentuk perarakan dalam drama. Victor Turner tidak bersetuju bahawa *social drama* adalah jenis universal namun dalam penyelidikan yang seterusnya telah menyakinkan



beliau bahawa melalui struktur temporal atau proses yang sama seperti dalam kes Ndembu. Beliau menyatakan bahawa dimensi “struktur” dengan “komuniti” sebagai mod generik kesalinghubungan manusia. Kapasiti fasa berturut-turut untuk mempunyai kesinambungan adalah fungsi komuniti. Struktur sementara merupakan struktur fasa *social drama* bukanlah produk naluri tetapi model dan metafora yang bermain diminda seorang pelakon.

Victor Turner menganggap bahawa pendekatan *processual* ini tegas sebagai panduan untuk memahami tingkah laku sosial manusia. Matlamat secara signifikan merangkumi matlamat sosial, kajian struktur temporal melibatkan kajian proses komunikasi, termasuk sumber tekanan untuk berkomunikasi di dalam dan di kalangan kumpulan ini membawa kepada kajian simbol, tanda, dan token, lisan dan bukan lisan untuk mencapai matlamat peribadi dan kumpulan. *Social drama* terdiri daripada dua unit iaitu aharmonik dan tidak harmonik yang wujud dalam situasi konflik. Secara umum, terdapat empat fasa utama tindakan yang boleh diakses melalui pemerhatian. Iaitu *breach*, *crisis*, *redressive* dan akhir sekali *reintegration*.

Teori ini menjadi pilihan untuk digunakan kerana dapat dikaitkan dengan persembahan Kuda Kepang di mana berlakunya proses pembukaan atau bacaan doa sebelum memulakan persembahan, dipertengahan persembahan berlakunya kerasukan (*trance*) atau tidak sedarkan diri yang dapat dilihat oleh pengkaji bahawa penari melakukan aksi seolah seperti seekor kuda serta dengan gerakan dan langkah yang





dilakukan dan pada peringkat akhir atau penghujungnya penari akan dibacakan doa agar penari kembali dalam keadaan sedar sebagai penutup persembahan.

1.8 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini dapat memberi pendedahan mengenai isu persediaan untuk penari sebelum membuat persembahan Kuda Kepang. Hal ini demikian di Malaysia ini kurangnya literatur yang memberi fokus kepada penari dan mengenai persediaan yang harus dilakukan oleh para penari Kuda Kepang sebelum memulakan atau mempersembahkan Kuda Kepang. Kebanyakan literatur memfokuskan kepada sejarah dan latar belakang mengenai tarian Kuda Kepang.

Selain itu, memberi kesedaran serta pengetahuan terutamanya kepada masyarakat Jawa untuk mempertahankan adat dan tradisi yang menjadi identiti kepada masyarakat Jawa. Selain dapat memahami serta mengenali budaya dan tradisi masyarakat Jawa, kajian ini turut memberi pendedahan kepada semua golongan lapisan masyarakat di Johor bahawa tarian Kuda Kepang ini mampu menarik perhatian. Amatlah penting untuk kita mengimbau kembali mengenai sejarah lama iaitu dengan memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai adat dan tradisi masyarakat Jawa yang kini sering dilupakan oleh kerana arus permodenan.





Kajian ini juga penting sebagai satu rujukan bagi mereka yang ingin membuat kajian atau memahami dengan lebih mendalam lagi mengenai tarian Kuda Kepang serta persediaannya di mana mereka dapat menghubungkaitkan dengan syarat dan pantang larang sebelum menjadi penari, upacara ritual yang dijalankan ketika persembahan dan sebagainya. Selain itu, kajian ini juga penting sebagai satu inisiatif bagi memberi pendedahan kepada masyarakat luar tentang keunikan budaya dan adat tradisi masyarakat Jawa agar mereka lebih memahami adat resam masyarakat Jawa yang mempunyai nilai estetika dan unik.

Akhir sekali, kajian ini dapat membantu dan menjelaskan mengenai penghayatan dan penghargaan kepada penari tari Kuda Kepang yang masih belum dijelaskan dengan secara terperinci. Kajian ini dapat mendedahkan mengenai perbezaan struktur gerak tari Kuda Kepang semasa kerasukan (*trance*) dan dalam keadaan normal agar dapat membezakan persembahan tarian Kuda Kepang tanpa ritual dan ritual.

